

# Perangi dadah satu kewajipan

Oleh **AINOL AMRIZ ISMAIL**

utusanNS@utusan.com.my

■ SEREMBAN 22 OKT.

**K**ERAJAAN telah menunjukkan keazaman politik yang padu dalam memerangi penyalahgunaan dadah di negara ini.

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail berkata, berdasarkan kesungguhan yang dilakukan kerajaan itu, maka harus seluruh rakyat di negara ini menginsafi dan mengingati bahawa menjadi satu kewajipan untuk memeranginya.

"Kerajaan memberi komitmen yang tinggi untuk memerangi gejala penyalahgunaan dadah antaranya membelanjakan peruntukan yang besar setiap tahun bertujuan memberi kesedaran selain tindakan penguatkuasaan yang berterusan," katanya pada Seminar Pencegahan dan Pemulihan Dadah Antarabangsa di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, dekat sini baru-baru ini.

Yang turut hadir Ketua Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Datuk Suhaimi Abdullah dan Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad.

Kata Asma, perkembangan semasa memperlihatkan peningkatan kes berkaitan penyalahgunaan dadah terutama dalam kalangan belia adalah sesuatu yang membimbangkan.

"Kewujudan pelbagai jenis dadah baharu (sintetik) misalnya telah mewujudkan cabaran baharu.

"Penghasilan dadah yang dahulu-



**Penghasilan dadah yang dahulunya secara tradisional (penanaman pokok) kini menjadi lebih mudah dengan penghasilan dalam makmal sahaja. Pelbagai variasi dadah dapat dihasilkan dengan mudah, cepat dan kemudian diedarkan ke dalam pasaran."**

**DR. ASMA ISMAIL**

**Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan**

nya secara tradisional (penanaman pokok) kini menjadi lebih mudah dengan penghasilan dalam makmal sahaja. Pelbagai variasi dadah dapat dihasilkan dengan mudah, cepat dan

kemudian diedarkan ke dalam pasaran," jelasnya.

Tegas beliau, kementerian amat menyedari bahaya penyalahgunaan dadah ini sekiranya ia tidak diperangi habis-habisan.

"Pendidikan awal bahaya dadah ini telah disediakan dalam pembelajaran dan pengajaran di pelbagai peringkat pendidikan.

"Antaranya melalui program akademik Diploma Siswazah Dalam Penyalahgunaan Dadah (SPADA) yang diperkenalkan kementerian sejak 2005 bagi melahirkan kumpulan pakar dalam bidang pencegahan, rawatan dan pemulihan, penjagaan lanjutan selain pengurusan perkhidmatan yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah," ujar Asma.

Tambah beliau lagi, program SPADA kini ditempatkan di bawah Pusat Penyelidikan dan Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA) di USIM sebagai sumbangan institusi pengajian tinggi itu dalam melahirkan kumpulan pakar, perancangan dan pemikir bagi membantu negara memerangi ancaman dadah ini.

"Harus kita insafi dan ingati bahawa golongan muda merupakan pemimpin negara pada masa depan.

"Maka mereka perlu diperingatkan dan dididik sepanjang masa tentang bahaya dadah ini dan di sinilah universiti wajar memainkan peranannya bersama kerajaan, masyarakat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memerangi dadah ini," ujar Asma.